

06 JUL 2001

BN-Cabaran (Fokus Berita)

BN MAHU TERUS KEKAL RELEVAN IKUT ANGIN PERUBAHAN

Oleh: Alan Ting

KUALA LUMPUR, 6 Julai (Bernama) -- Para pemimpin daripada 13 parti anggota Barisan Nasional (BN) akan bertemu esok untuk mengkaji prestasi parti pemerintah itu sejak enam dekad lepas dan mengesyorkan strategi-strategi baru untuk memastikan yang BN terus kekal relevan.

Cabaran yang lebih besar dan serius menunggu BN semasa ia membuat persiapan untuk pilihan raya akan datang pada 2004 dengan kritikan semakin meningkat berhubung cara ia mengendalikan isu-isu tertentu dan kontroversi.

Mengetuai agenda di Konvensyen BN yang akan berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, esok ialah amanat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga presiden BN.

Mengimbas semula sejarah BN, parti campuran itu bermula dengan nama Perikatan dan membawa kemerdekaan bagi Malaysia pada 31 Ogos, 1957.

Sejak ditubuhkan pada 1952, Perikatan yang kini dikenali sebagai BN telah memenangi kesemua 10 pilihan raya umum lepas.

Pada mulanya parti campuran itu berfungsi atas dasar ad hoc dengan hanya dua anggota -- Umno dan MCA -- dan terus menyerlah dalam arena politik bermula dengan Pilihan Raya Perbandaran Kuala Lumpur. Ia memenangi sembilan daripada 12 kerusi yang ditandingi.

MIC menyertai parti campuran itu pada 1955 untuk menghadapi pilihan raya persekutuan bagi majlis perundangan, menjanjikan kemerdekaan dan perpaduan kaum.

Bersama-sama, mereka mencatatkan kejayaan besar apabila Perikatan memenangi 51 daripada 52 kerusi yang ditandingi pada pilihan raya Julai 1955 yang seterusnya membawa kepada kemerdekaan Malaya pada 31 Ogos, 1957.

Sementara Perikatan dilahirkan lebih kerana keperluan tiga kaum utama -- Melayu, Cina dan India untuk bekerjasama bagi memenuhi syarat yang ditetapkan oleh British untuk merundingkan kemerdekaan bagi Malaya, BN diwujudkan sebagai penyelamat apabila Perikatan hampir gagal.

Ekoran prestasi buruk oleh perikatan pada pilihan raya umum Mei 1969, masa depan perikatan tiga parti itu nampak malap.

Ini menyebabkan Perdana Menteri pada masa itu Tun Abdul Razak muncul dengan idea barisan perikatan kebangsaan atau BN yang juga termasuk parti-parti politik seperti Gerakan, SUPP dan PAS. (PAS meninggalkan barisan itu kemudian)

Idea menjadi kenyataan di perhimpunan agung Umno pada Jun 1972 dan BN didaftarkan pada 1 Jun, 1974.

Kekuatan barisan kebangsaan yang baru dibentuk ini teruji pada pilihan raya umum 1974. BN memenangi pilihan raya itu dengan keputusan cemerlang, memenangi 135 daripada 154 kerusi Parlimen dan juga menguasai semua Kerajaan Negeri.

Buat masa ini, BN mempunyai 13 anggota iaitu Umno, MCA, MIC, Gerakan, Parti Progresif Penduduk (PPP), Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP), Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS), Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Pertubuhan Pasok Kadazan Bersatu (UPKO), Parti Demokratik Liberal (LDP), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs) dan Parti Maju Sabah (SAPP).

Pada mulanya, BN mempunyai 14 anggota tetapi ia berkurang ke 13 selepas Angkatan Keadilan Rakyat (Akar) memilih untuk dibubarkan pada bulan lepas.

Bekas pensyarah kanan Universiti Malaya (UM), Prof. Murugesu Pathmanathan pernah menulis yang dalam sejarah proses politik Malaysia, BN mempunyai tempat yang unik kerana parti campuran itu dibentuk sebelum

kemerdekaan.

Keduanya, ia perikatan yang dikaitkan rapat dengan sejarah politik negara dan ketiganya, BN mempunyai ciri tersendiri bukan seperti parti-parti campuran di tempat lain, ia telah dibentuk sebelum pilihan raya dan bukan mengikut keputusan pilihan raya atau aliran undi, katanya.

"Apa yang terserlah mengenai BN ialah kapasitinya untuk berevolusi untuk berdepan dengan cabaran-cabaran baru dan permintaan daripada masyarakat yang sedang membangun dengan pesat, daripada segi ekonomi dan sosial," beliau dipetik berkata demikian dalam buku yang dikeluarkan sempena sambutan ulang tahun ke 20 BN.

Datuk V.K Chin daripada akhbar The Star juga menulis pada 1995 yang kejayaan BN ialah kerana kebolehannya untuk membawa bersama orang Melayu, Cina dan India serta kumpulan-kumpulan minoriti yang lain demi kebaikan bersama.

"Saya boleh berbuat ini kerana Barisan, sejak zaman parti Perikatan, sentiasa terikat dengan prinsip yang pelbagai kumpulan kaum mesti bersatu bagi tujuan dan usaha membangunkan dan memajukan negara," katanya.

Bekas Naib presiden MCA Datuk Yap Pian Hon memberitahu BERNAMA hari ini yang cabaran lebih besar bagi BN sekarang ialah ialah pada faktor ekonomi dan sosial untuk menawan hati dan minda rakyat.

Beliau berkata adalah kritikal untuk mendapat sokongan daripada rakyat untuk memastikan BN boleh terus memerintah negara. "Soalnya ialah bagaimana BN boleh terus mengekalkan sokongan rakyat?"

"Oleh itu, kita perlu menyelesaikan masalah rakyat terlebih dahulu, bawa projek-projek bagi rakyat dan biar mereka menikmatinya selain daripada meluangkan lebih banyak masa mendengar keluhan rakyat, khasnya apabila perkhidmatan anda diperlukan," katanya.

Yap juga berkata BN perlu menggandakan usaha dalam meraih sokongan rakyat memandangkan anggota dan penyokong di peringkat akar umbi keliru dengan berita-berita dan isu-isu yang diputarbelit oleh pembangkang.

Seorang lagi ahli politik veteran dari Sarawak, Wan Junaidi Tuanku Jaafar memberitahu BERNAMA hari ini yang BN mesti menerima peralihan paradigma rakyat dan muncul dengan program-program yang terus menjadikan parti campuran itu relevan kepada rakyat.

"Anda tidak boleh menjadi terlalu sensitif, jika tidak orang ramai akan mengesyaki yang anda tidak boleh menerima kritikan. Anda mesti boleh menerima kritikan sebagai cadangan untuk memperbaiki keadaan, asalkan ia bukan fitnah," dan menambah kata kini rakyat dengan terbuka mengkritik dasar-dasar dan isu-isu tertentu seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

-- BERNAMA

AT ES PR